

PILIHAN RAYA UMUM UZBEKISTAN

27 DISEMBER 2009

Suruhanjaya Pilihan Raya Pusat (Central Election Commission) Uzbekistan, melalui Kedutaan Uzbekistan di Kuala Lumpur, telah mengundang seorang wakil dari Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) bagi mengetuai delegasi terdiri lima pemerhati dari Malaysia untuk menyertai kumpulan para pemerhati antarabangsa dalam Pilihan Raya Umum Uzbekistan pada 27 Disember 2009. Untuk itu, SPR telah diwakili oleh Timbalan Pengerusinya, YBhg. Datuk Wira Hj Wan Ahmad bin Wan Omar. Empat anggota lain ialah wakil-wakil dari parti politik, media dan swasta.

Pilihan Raya Umum ini melibatkan tiga kategori pemilihan iaitu bagi perwakilan Dewan Legislatif Parlimen (Oliy Majlis), perwakilan untuk Dewan-dewan Legislatif di setiap 12 Wilayah, perwakilan untuk pentadbiran peringkat daerah dan bandar. Yang menjadi tumpuan para pemerhati

antarabangsa ialah pilihan raya bagi Dewan Legislatif Parlimen (Legislative Chamber of the Oliy Majlis). Kira-kira 250 pemerhati antarabangsa telah diundang, mewakili 27 negara dan organisasi dari seluruh dunia. Malaysia dan Indonesia adalah dua negara anggota ASEAN yang diundang.

Parlimen Uzbekistan

Uzbekistan mempunyai 'bicameral' Parlimen dikenali dengan nama Oliy Majlis, terdiri daripada Dewan Legislatif (lower chamber) dan Dewan Senate (upper chamber). Dewan Legislatif mengandungi 150 anggota dipilih melalui pilihan raya setiap lima tahun, manakala Dewan Senate mengandungi 100 anggota, 84 daripadanya dipilih di peringkat wilayah, melalui suatu proses pemilihan yang dikendalikan oleh Pentadbiran Wilayah masing-masing di seluruh negara. Enam anggota mewakili setiap 12 wilayah termasuk ibu negara Tashkent yang dikira sebagai satu wilayah yang berasingan. 16 anggota lain ialah dilantik oleh Presiden Uzbekistan. Pemilihan bagi anggota-

anggota Senate pula dibuat sebulan selepas pilihan raya Dewan Legislatif Oily majlis.

Kelayakan Bertanding

Semua rakyat Uzbekistan yang berumur 25 tahun dan keatas, bermastautin dalam negara Uzbekistan tidak kurang dari lima tahun, berkeadaan siuman dan tidak pernah disabit atas kesalahan mahkamah, adalah layak untuk bertanding sebagai calon dalam pilihan raya.

Kelayakan Mengundi

Hak mengundi dalam pilihan raya terbuka kepada semua rakyat Uzbekistan yang layak disisi undang-undang - mencapai umur 18 tahun, berkeadaan siuman dan tidak pernah disabit apa-apa hukuman oleh mahkamah - layak mendaftar sebagai pemilih. Urusan pendaftaran pemilih diuruskan oleh pejabat pentadbiran daerah di setiap Wilayah di seluruh negara. Menjelang

pilihan raya, daftar pemilih yang telah disediakan itu akan disemak dan dikemas kini oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Daerah (District Election Commission (DEC) masing-masing. Pihak DEC bertanggungjawab kepada Regional Election Commission (REC) dan kedua-duanya terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Central Election Commission (CEC) yang beribupejabat di Tashkent.

Daftar Pemilih Pilihan Raya yang dikemaskini dan telah disahkan pada 11 Dis 2009. Pihak DEC mula mengeluarkan surat peringatan dan jemputan supaya keluar mengundi kepada semua pemilih berdaftar yang terdapat dalam Daftar Pemilih bagi daerah pilihan raya masing-masing. CEC mengisytiharkan jumlah pemilih berdaftar yang layak untuk mengundi ialah seramai 17.3 juta daripada jumlah 27 juta rakyat Uzbekistan. Setiap daerah mengundi mempunyai purata seramai 127,500 pemilih.

Pilihan Raya Umum Dewan Legislatif Parlimen

Uzbekistan mengamalkan sistem pemilihan mengikut kawasan (territorial constituency) berasaskan sistem pelbagai parti, di mana kemenangan ditentukan mengikut pengiraan undi majoriti melebihi 50% daripada jumlah kertas undi yang dikira. Calon yang mendapat jumlah undi melebihi 50% diisytihar menang dalam pilihan raya. Jika tiada satu parti atau calon yang berjaya memperoleh undi majoriti melebihi 50% maka pilihan raya kedua (repeat election) perlu diadakan dalam tempoh 14 hari i.e. 10 Jan 2010.

Dari jumlah 150 kerusi yang dipertandingkan, sebanyak 135 kerusi telah ditandingi oleh empat parti politik yang layak bertanding kerana memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan iaitu; Uz Liberal Democratic Party, People's Democratic Party, Adolat Social Democratic Party, dan Milliy Tiklanish Democratic Party. Bagi merebut 135 kerusi ini, setiap parti yang bertanding diwajibkan mengemuka sekurang-kurangnya 30% adalah calon wanita. Manakala 15 kerusi yang lain dikhaskan untuk 15 anggota dari

Pertubuhan Ekologi Uzbekistan (Ecological Movement of Uzbekistan) di mana setiap wilayah diwakili oleh seorang Wakil.

Urusan penamaan calon dibuka selama tiga minggu bermula pada 20 Okt dan berakhir pada 10 Nov 2009, dan pihak CEC seterusnya mengisytiharkan senarai pencalonan pada 20 November 2009. Seramai 517 calon mewakili parti-parti tersebut disahkan bertanding – iaitu UzLDP (135), PDP (134), Milliy Tiklanish (125), dan Adolat (123).

Kempen rasmi ialah selama 5 minggu dan dibenarkan sebaik sahaja CEC mengisytiharkan senarai pencalonan pada 20 Nov 2009. Pemasangan poster dan bahan kempen dikawal ketat oleh pihak berkuasa tempatan bagi daerah masing-masing. Poster calon dan poster parti tidak kelihatan di sekitar Tashkent. Yang kelihatan di tempat-tempat tertentu ialah billboard-bilboard berupa notis makluman kepada rakyat/pengundi tentang tarikh pilihan raya dan mengingatkan mereka supaya keluar mengundi, yang dipasang oleh CEC. Walaupun poster calon dan apa-apa bentuk bahan kempen tidak

kelihatan, gambar-gambar calon berserta biodata masing-masing ada dipamerkan di dalam setiap bilik Tempat Mengundi.

Walaupun undang-undang pilihan raya membenarkan aktiviti kempen dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan, kempen melalui media baikpun media cetak atau media eletronik agak terhad.

Hari Pengundian

Hari Pengundian ialah pada 27 Dis 2009, selaras dengan peruntukan Perlembagaan Uzbekistan yang menetapkan hari Ahad minggu ketiga Bulan Disember. Pengundian dibuka dari jam 6 pagi dan berterusan sehingga ditutup tepat jam 8 malam. Setiap Tempat Mengundi diketuai oleh seorang Ketua TM dan dibantu oleh 9 Kerani Pengundian. Susun atur dalam bilik tempat mengundi umumnya sama seperti dalam pilihan raya di negara kita di mana satu sudut ditempatkan petak-petak mengundi (yang dipasang dengan

langsir yang seragam bagi menjaga kerahsiaan pengundian) serta Peti Undi (jenis separuh kaca (transparent) di tempatkan berhampirannya. Di sudut yang berdekatan disedia kerusi-kerusi dan meja untuk wakil-wakil parti (party observers) dan para pemerhati lain (wakil NGOs dan wartawan) yang mendapat kebenaran untuk berada di situ. Kelihatan juga beberapa orang lain (bukan petugas pilihan raya) yang berada di dalam bilik tempat mengundi. Di kawasan luar, di pintu masuk Pusat Mengundi (bangunan sekolah, maktab, universiti, pejabat etc.) terdapat anggota-anggota polis yang mengawal kawasan dan keselamatan.

Satu aspek yang menarik ialah terdapat sebuah **bilik khas untuk kanak-kanak** turut disediakan berhampiran bilik Tempat Mengundi untuk pengundi meninggalkan anak-anak kecil/bayi di bawah jagaan seorang pembantu supaya anak-anak tidak mengganggu urusan ibu bapa membuang undi. Selain itu, terdapat juga sebuah bilik lain berupa **bilik rawatan segera** dengan seorang jururawat bertugas bagi membantu pengundi yang kurang sihat atau memerlukan rawatan.

Daftar Pemilih

Daftar Pemilih yang digunakan di tempat mengundi telah disediakan mengikut susunan nama mengikut 'alphabet', di setiap meja kerani dari nombor 1 – 500, 5001 – 1000 dan seterusnya. Pengundi yang masuk ke tempat mengundi menunjukkan 'surat jemputan keluar mengundi' yang dihantar oleh District Election Commission berserta dengan dokumen pengenalan diri yang bergambar (passport etc.). Selepas disahkan identiti, dia diberi kertas undi (bersaiz A4). Proses seterusnya adalah sama seperti yang dilakukan di negara kita.

Pengiraan Undi

Urusan Pengiraan undi dijalankan sebaik sahaja pengundian ditutup jam 8 malam. Proses menyediakan urusan pengiraan dan cara mengira undi adalah lebih kurang sama dengan kaedah yang dibuat di negara kita. Ini juga

dijalankan di hadapan wakil-wakil parti dan para pemerhati lain (jika mereka berada di situ). Urusan pengiraan tetap dijalankan walaupun tanpa kehadiran wakil-wakil parti. Keputusan pengiraan akan direkod ke dalam Borang Keputusan Pengiraan Undi bagi tempat undi berkenaan dan perlu ditandatangani oleh Ketua Tempat Mengundi dan kerani-kerani mengira yang terlibat. Borang tersebut akan difaks kepada pejabat Urusetia Pilihan Raya di peringkat daerah (DEC) dan seterusnya kepada Ibupejabat REC di peringkat Wilayah dan Ibupejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Pusat (CEC) di Tashkent.

Keputusan Pilihan Raya diselaraskan di peringkat REC pada 31 Dis 2009, dan seterusnya diumumkan secara rasmi oleh Ibu pejabat CEC di Tashkent pada 6 Jan 2010. Jika tiada calon yang mendapat majoriti undi melebihi 50%, kawasan-kawasan yang terlibat perlu diadakan pilihan raya ulangan (2nd Round) tidak lewat daripada 27 Jan 2010. Bagi calon-calon yang menang, mereka akan menerima surat Pengesahan Kemenangan yang akan di keluarkan oleh CEC.